

18/02/2000

Gus Dur terpaksa kenang `budi' Barat

PERGESERAN antara Menteri Politik dan Keselamatan, Jeneral Wiranto dengan Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur sudah pun berakhir. Tugas Wiranto digantung berikutan kes pelanggaran hak asasi manusia (HAM) di Timor Timur selepas pungutan suara, 30 Ogos tahun lalu. Tempat beliau diambil alih Menteri Dalam Negeri, Surjadi Soerdiraja. Daripada suasana di republik itu, ramai rakyat Indonesia bersetuju dengan keputusan Gus Dur itu. Apakah mereka memahami isi sebenar atau sekadar mengikut arus, sukar dimengertikan.

Bagi sesetengah rakyat, mereka menyimpulkan bahawa maruah negara mereka sudah tergadai kepada kuasa asing. Ini kerana keputusan yang diambil Gus Dur ke atas bekas Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI) itu, adalah kehendak kuasa asing yang mahu Wiranto dihukum. Walaupun pada mulanya Gus Dur tidak mahu mengambil tindakan ke atas Wiranto sebaik saja pulang daripada lawatan ke luar negara selama 16 hari Ahad lalu, sebagaimana dilaporkan, atas tekanan asing beliau mengubah pendiriannya dalam tempoh tidak sampai 24 jam.

Alasan yang diberikan Gus Dur ialah untuk kestabilan dan memberi peluang kepada menterinya itu menumpu sepenuh perhatian terhadap kes berkenaan.

Keputusannya itu dialu-alukan dan mendapat pujian Barat kerana Gus Dur dianggap menegakkan demokrasi. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan yang berada di Singapura, Selasa lalu tidak ketinggalan menyanjung orang nombor satu Indonesia itu. Dengan perkembangan ini, PBB tidak perlu mengadakan pengadilan antarabangsa terhadap Wiranto. Media asing turut memuji tindakan Gus Dur dengan pelbagai analisis positif sedangkan sebelum itu mereka mengkritik pemimpin Indonesia itu kerana Wiranto tidak dipecat.

Ini memang sudah menjadi lumrah media asing. Mereka akan memuji sesuatu keputusan jika selaras dengan kehendak dan kepentingan mereka sebaliknya mengkritik sekiranya bertentangan dengan kemahuan mereka. Suara menentang tindakan tidak tetap Gus Dur itu hanya kedengaran dalam negeri sendiri tetapi apalah kuasa mereka berbanding kuasa asing. Antara yang membidas tindakan itu ialah Ketua Pasukan Peguam Pegawai Kanan TNI, Adnan Buyung Nasution yang menyifatkannya sebagai tidak masuk akal.

Gus Dur sendiri mengakui menerima tekanan antarabangsa untuk menggantung tugas Wiranto sebagaimana dinyatakannya kepada Ketua Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais melalui telefon, kelmarin. Ternyata, Gus Dur bertindak ke atas Wiranto kerana tidak tahan dengan tekanan antarabangsa. Jika enggan berbuat demikian, bantuan kewangan daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang disalurkan kepada Indonesia, baru-baru ini akan ditarik balik. Jika inilah keadaannya, kedaulatan ekonomi Indonesia kini mula diragut oleh IMF. Kini, kedaulatan undang-undang pula cuba dihakis kuasa asing.

Gus Dur perlu memikirkan maruah bangsa Indonesia walau pun termakan budi kepada Barat. Dalam tempoh empat bulan, Gus Dur sudah membuat dua pertukaran menteri Kabinet. Semuanya berlaku selepas beliau pulang daripada lawatan ke luar negara. Pertama, memecat bekas Menteri Kesejahteraan Rakyat dan Pembasmian Kemiskinan, Hamzah Haz berikutan isu rasuah dan kedua, Wiranto kerana pelanggaran hak asasi manusia di Timor Timur. Gus Dur juga memecat Setiausaha Negara, Ali Rahman dan menggantikan dengan `orangnya', Bondan Gunawan. Namun, Gus Dur mungkin tidak mempunyai pilihan dan terpaksa tunduk kepada tekanan asing dengan mengorbankan

pegawai tenteranya itu. Jika dibiarkan, kuasa asing berkenaan, juga pelabur terbesar di Indonesia akan terus menentukan keputusan pemimpin negara itu.

Di mana-mana sekali pun, inilah akibatnya jika sebuah negara menjadi lemah dan memerlukan bantuan luar. Bagi Barat, bantuan yang diberikan bukan percuma, tetapi perlu mematuhi syarat yang ditetapkan sesuai dengan kehendak dan kepentingan mereka. Apa yang berlaku di beberapa negara sebelum ini adalah bukti nyata. Mustahil pemimpin mereka tidak sedar permainan Barat tetapi kerana desakan semasa, mereka tidak berdaya menahan telunjuk kuasa asing. Apa yang berlaku adalah pengajaran amat berguna. Malaysia bernasib baik kerana ketika dilanda krisis ekonomi pada 1997, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berani membuat keputusan menolak bantuan IMF dan bertekad menangani kegawatan ekonomi yang dicetuskan oleh elemen Barat juga melalui kaedah kita sendiri.

(END)